

20/06/1999

Melayu hilang arah tanpa Umno

Tajudin Saman; Zainuddin Isa

KETIKA Umno ditubuhkan pada 1946, ia terus menjadi pertubuhan politik penting orang Melayu. Pertubuhan ini bukan saja memperjuangkan ketuanan Melayu tetapi juga menuntut kemerdekaan daripada penjajah Inggeris.

Sejarah kelahiran Umno cukup penting kerana ia adalah tentangan orang Melayu terhadap Malayan Union - gagasan Inggeris yang mahu menghapuskan hak Melayu di negara mereka sendiri.

Hasil perjuangan Umno, Malayan Union akhirnya berkubur.

Sejak itu, Umno tidak pernah berundur dalam perjuangannya membela orang Melayu. Menjelang 1957, Umno, dengan kerjasama MCA dan MIC berjaya menuntut kemerdekaan negara.

Kejayaan itu menandakan satu daripada puncak perjuangan Umno sebagai parti yang menjadi tulang belakang kepada Perikatan yang kemudiannya dinamakan Barisan Nasional.

Dalam tempoh 53 tahun kewujudannya, Umno sudah membuktikan perjuangannya yang tidak berbelah bagi kepada orang Melayu khasnya dan kaum lain amnya. Bagi tempoh itu juga kepemimpinan Umno diterajui lima pemimpin yang dipilih oleh ahlinya.

Mereka ialah Datuk Onn Jaafar; Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kelima-limanya menyumbangkan tenaga dan fikiran yang bukan sedikit kepada perkembangan Umno dan negara.

Ketika ini Umno sedang bergerak ke alaf baru. Enam bulan lagi, Umno dan seluruh rakyat akan melangkah ke tahun 2000. Dari zaman 'Hidup Melayu' ke zaman teknologi maklumat, Umno tetap utuh dan tidak pernah berubah untuk memperjuangkan nasib orang Melayu.

Dalam menuju era baru, ahli Umno sewajarnya tidak melupakan masa silam yang pernah dilalui.

Pada zaman awalnya, ia menyusuri detik perjuangan yang getir dengan segala kedaifan. Ketika diasaskan, Umno bukanlah parti yang kaya.

Setiap tahun apabila Perhimpunan Agung diadakan, perwakilan Umno hanya berhimpun di dewan kecil, duduk di kerusi kayu, bermalam di hotel tanpa bintang dan kadangkala tidur beralaskan lengan. Menjelang tengah hari, perwakilan itu makan nasi bungkus. Mereka datang ke tempat perhimpunan dan pulang ke kampung masing-masing dengan tambang sendiri.

Ketika bermesyuarat, tiada beg perwakilan disediakan. Sebaliknya, fail kertas menjadi pelindung surat-surat penting yang mencatatkan segala hujah atau pendapat yang mahu disuarakan dalam perhimpunan.

Sungguhpun begitu, perjuangan tetap membara dan menyala. Dengan semangat yang tinggi itulah mereka mencapai satu demi satu keputusan untuk mengubah nasib agama, bangsa dan negara.

Dalam mengharungi detik waktu, Umno terus dewasa dalam pelbagai peristiwa. Ada waktu, ia tersandung dek kesilapan. Ada ketika ia di persimpangan jalan. Jalan manakah yang harus dituju? Ke hutan penuh duri, ke lembah penuh onak. Pada ketika sedemikian, kebijaksanaan pemimpin, kewarasan muafakat segera melenturnya ke arah jalan yang lurus semula.

Sesungguhnya jasa Umno kepada agama, bangsa dan negara tidak terkira. Mereka yang kenal sejarah pasti melafazkan kesyukuran kerana dalam menghadapi segala cabaran, Allah mengilhamkan Umno sebagai wadah perjuangannya kepada bangsa Melayu.

Setahun sebelum merdeka, bekas Setiausaha Agung Umno, Allahyarham Datuk Senu Abdul Rahman, pernah menyatakan Umno adalah parti yang menjadi darah

daging orang Melayu.

"Tanpa Umno orang Melayu akan hilang arah tujuan dan tiada parti lain yang dapat menggantikan Umno dalam perjuangan menegakkan maruah bangsa Melayu di negaranya sendiri," katanya.

(END)